

RUMUSAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2002

Semua dasar perakaunan telah digunapakai untuk perkara-perkara yang ketara berhubung penyata-penyata kewangan secara konsisten.

A Asas penyediaan

Penyata-penyata kewangan telah disediakan menurut konvesyen kos sejarah, kecuali jika dinyatakan dalam rumusan dasar-dasar penting perakaunan.

Penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan menurut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan dan berkenaan di Malaysia, Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965. Penyata-penyata kewangan ini menggabungkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan skim Perbankan - Islam yang dijalankan oleh Bank. Skim perbankan Islam yang dijalankan pada amnya merujuk kepada penerimaan deposit dan pemberian pembiayaan mengikut prinsip-prinsip Syariah.

B Asas penyatuan

Penyata kewangan disatukan mengandungi penyata kewangan Bank dan syarikat-syarikat subsidiarinya, yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan.

Syarikat-syarikat subsidiari disatukan dari tarikh di mana penguasaan syarikat beralih kepada Kumpulan dan tidak lagi disatukan pada tarikh penguasaan syarikat berhenti. Syarikat-syarikat subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan pembelian.

Dalam kaedah perakaunan pembelian, keputusan kewangan syarikat-syarikat subsidiari yang dibeli atau dijual akan termasuk dari tarikh pembelian sehingga tarikh penjualan. Pada tarikh pembelian, nilai buku bersih syarikat-syarikat subsidiari akan ditentukan dan nilai ini akan disatukan dalam penyata-penyata kewangan. Perbezaan di antara kos pembelian dengan nilai buku bersih syarikat-syarikat subsidiari akan dianggap sebagai muhibbah atau rizab di atas penyatuan.

Urusniaga-urusniaga dan baki antara syarikat-syarikat dalam kumpulan telah dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan yang disatukan mencerminkan urusniaga luaran sahaja. Di mana perlu, dasar perakaunan untuk syarikat-syarikat subsidiari telah ditukar untuk memastikan persamaan dengan dasar perakaunan Kumpulan.

Untung atau rugi atas penjualan syarikat subsidiari adalah perbezaan di antara hasil bersih dari penjualan dan nilai buku bersih bahagian Kumpulan dengan baki muhibbah atas pembelian yang belum dilunaskan.

Senarai syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan di dalam Nota 10 kepada penyata-penyata kewangan.

RUMUSAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2002

C Muhibbah

Muhibbah adalah lebih kos pembelian ke atas nilai bersih aset-aset yang dibeli. Amaun ini disusutnilai mengikut kaedah garisan lurus untuk tempoh 20 tahun daripada tarikh pembelian dan peruntukan dibuat apabila pada pendapat para Pengarah, berlakunya rosotnilai berkekalan.

Rizab modal daripada penyatuan adalah lebih nilai bersih aset-aset yang dibeli ke atas kos pembelian. Amaun ini dikekalkan di dalam lembaranimbangan kumpulan dan tidak diagihkan sehingga subsidiari-subsidiari dijual.

D Pengiktirafan pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktirafkan atas dasar akruan. Pengiktirafan pendapatan faedah daripada pinjaman-pinjaman yang dikelaskan tidak berbayar, digantung sehingga diperolehi secara tunai.

Akaun pelanggan dikelaskan sebagai pinjaman tidak berbayar apabila pembayaran balik tertunggak selama enam bulan atau lebih, dikira dari hari pertama kegagalan bagi pinjaman dan overdraf, selepas 14 hari dari tarikh kematangan bagi bil perdagangan dan penerimaan amanah, dan serta-merta selepas tarikh kematangan bagi penerimaan jurubank.

Peruntukan untuk pinjaman dan pembiayaan yang dikelaskan sebagai tidak berbayar yang dibuat oleh Bank adalah selaras dengan peruntukan minima dalam "Garis Panduan Pengkelasan Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Ragu dan Hutang Lapuk, BNM/GP3" ('Garis Panduan') pada 31 Disember 2002, manakala dasar penggantungan faedah bagi bil dagangan, resit amanah dan penerimaan jurubank adalah lebih ketat berbanding dengan Garis Panduan yang ditetapkan.

E Pengiktirafan yuran dan pendapatan lain

Yuran penyusunan pinjaman dan komisyen diiktiraf sebagai pendapatan apabila semua syarat-syarat yang ditetapkan telah dipenuhi.

Yuran penglibatan dan jaminan yang ketara diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan pembahagian masa.

Dividen dari sekuriti dagangan diiktiraf apabila diterima. Dividen dari sekuriti pelaburan diiktiraf apabila diisytiharkan.

Pendapatan dari perniagaan Skim Perbankan Islam diiktiraf pada asas akruan mengikut BNM/GP8.

F Peruntukan bagi hutang lapuk dan hutang ragu dan pembiayaan

Peruntukan khusus adalah dibuat bagi hutang ragu berdasarkan penilaian terperinci pihak pengurusan ke atas status pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan cagaran-cagaran yang disandarkan.

Peruntukan am berdasarkan secara peratusan portfolio pinjaman dan pembiayaan juga dibuat untuk menampung sebarang kerugian yang berkemungkinan tidak dikenalpasti secara khusus.

Pinjaman dan pembiayaan yang tidak berjaya dikutip ataupun pinjaman dan pembiayaan yang dikelaskan sebagai lapuk akan dihapuskirakan selepas mempertimbangkan nilai perolehan cagaran, jika ada, apabila pihak pengurusan berpendapat bahawa tiada harapan bagi memulihkan pinjaman tersebut.

Peruntukan untuk pinjaman dan pembiayaan tidak terbayar adalah menurut taraf minimum yang diperlukan dalam BNM/GP3.

RUMUSAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2002

G Sekuriti Dagangan

Sekuriti dagangan adalah sekuriti-sekuriti pasaran yang dibeli dan dipegang dengan tujuan untuk dijualbalik dalam jangka pendek, dan dinyatakan pada nilai terendah di antara nilai kos dan nilai pasaran.

Pindahan, jika ada, di antara sekuriti dagangan dan pelaburan dilakukan pada nilai terendah di antara nilai kos dan nilai pasaran.

H Sekuriti Pelaburan

Sekuriti pelaburan adalah sekuriti-sekuriti yang diperolehi dan dipegang untuk hasil dan pertumbuhan modal atau untuk memenuhi kehendak kecairan aset minimum menurut Seksyen 38 Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, dan lazimnya dipegang hingga matang.

Sekuriti Kerajaan Malaysia, Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia, Bon Cagamas, Sekuriti Kerajaan lain, Sekuriti Hutang Swasta Jaminan Bank dan Sekuriti Hutang Swasta yang dikecualikan oleh Bank Negara Malaysia dipegang untuk pelaburan dan dinyatakan pada nilai kos dan diselaraskan untuk pelunasan premium atau peningkatan nilai diskaun hingga tarikh kematangan. Sekuriti Hutang Swasta lain dinilai pada nilai terendah di antara nilai kos dan nilai pasaran. Sekuriti pelaburan lain dinyatakan pada nilai kos dan peruntukan rosotnilai dibuat sekiranya berlaku pengurangan nilai yang kekal.

Pindahan, jika ada, di antara sekuriti pelaburan dan dagangan dilakukan pada nilai terendah di antara nilai bersih yang direkodkan dan nilai pasaran.

I Perjanjian beli balik

Sekuriti yang dibeli melalui perjanjian beli balik adalah sekuriti yang telah dibeli oleh Bank dengan komitmen untuk dijual balik pada masa hadapan. Komitmen untuk menjual balik sekuriti adalah ditunjukkan sebagai satu aset dalam lembaran imbalan.

Sebaliknya, tanggungan bagi sekuriti yang dijual melalui beli balik adalah sekuriti yang telah dijual oleh Bank daripada portfolionya, dengan komitmen untuk dibeli balik pada masa hadapan. Komitmen untuk membeli balik sekuriti adalah ditunjukkan sebagai satu liabiliti dalam lembaran imbalan.

J Pelaburan di dalam syarikat-syarikat subsidiari

Syarikat subsidiari adalah syarikat di mana Bank menguasai ahli lembaga pengarahnya atau mempunyai lebih daripada setengah kuasa mengundi, atau memegang lebih daripada setengah modal saham biasa berbayar.

Pelaburan di dalam syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan pada nilai kos dan peruntukan dibuat apabila, pada pendapat para Pengarah, berlakunya rosotnilai berkekalan ke atas pelaburan tersebut.

K Pelaburan di dalam syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah syarikat di mana Bank mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang di antara 20% sehingga 50% dan di mana pihak Bank boleh mempengaruhi secara ketara melalui penglibatan pengurusan. Pelaburan di dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada nilai kos dan peruntukan dibuat apabila berlakunya rosotnilai berkekalan ke atas pelaburan tersebut, jika ada.

RUMUSAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2002

L Aset tetap dan susutnilai

Aset tetap dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul.

Susutnilai tidak diperuntukan ke atas tanah milik bebas dan modal kerja dalam pelaksanaan. Susutnilai aset tetap lain dikira untuk menghapuskan kos aset mengikut kaedah garisan lurus berdasarkan jangkamasa anggaran hayat kegunaan aset tetap berkenaan. Kadar utama susutnilai tahunan adalah:

Bangunan	2%
Tanah dan bangunan milik pajak	Dilunaskan sepanjang tempoh pajakan
Pengubahsuaian dan bangunan di atas tanah milik pajak	20% atau tempoh pajakan, yang mana lebih tinggi
Kelengkapan pejabat dan perabot	10%
Alat-alat dan perisian komputer	20%
Kenderaan bermotor	20%

M Aset pajakan

Aset-aset pajakan yang tertentu memindahkan risiko dan pulangan atas pemilikan aset kepada Bank adalah diambilkira sebagai aset tetap. Aset-aset dan pajakan tersebut dinyatakan pada nilai semasa terendah atas bayaran pajakan yang minimum atau nilai saksama atas aset pajakan pada permulaan tempoh pajakan. Aset-aset pajakan tersebut disusutnilaikan selaras dengan aset-aset bersusutnilai yang dimiliki.

Pajakan yang tidak memenuhi kriteria-kriteria tersebut adalah dikelaskan sebagai pajakan operasi dan pembayaran sewa tersebut dipindahkan kepada penyata pendapatan apabila perlu dibayar.

N Bil-bil dan penerimaan harus dibayar

Bil-bil dan penerimaan harus dibayar merupakan bil-bil kepunyaan Bank dan penerimaan yang didiskaun semula dan tertunggak di dalam pasaran.

O Kontrak tukaran hadapan

Kontrak tukaran hadapan yang belum matang dinilai mengikut kadar hadapan seperti pada tarikh lembaranimbangan, mengikut tarikh kematangan masing-masing. Keuntungan atau kerugian yang belum diperolehi yang tidak dikenalpasti adalah diiktirafkan di dalam penyata pendapatan bagi tahun tersebut.

P Pertukaran wang

Setiap aset dan liabiliti dalam matawang asing ditukarkan kepada Ringgit Malaysia di dalam lembaranimbangan pada kadar semasa pertukaran di mana anggarannya hampir dengan yang berkuatkuasa pada tarikh lembaranimbangan. Butiran penyata pendapatan ditukarkan mengikut kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga.

Kadar tutup utama yang digunakan dalam pertukaran matawang asing adalah seperti berikut:

Matawang asing	2002 RM	2001 RM
- Dollar Amerika Syarikat	3.80	3.80
- Paun Sterling	6.10	5.51

Q Cukai Tertunda

Peruntukan untuk cukai tertunda dibuat mengikut kaedah liabiliti ke atas semua perbezaan masa yang nyata. Walaupun demikian, di mana perbezaan masa akan menghasilkan faedah cukai tertunda, faedah bersih tersebut tidak diiktiraf.

RUMUSAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2002

R Jumlah akan diterima semula daripada Danaharta

Ini adalah berkaitan pinjaman yang dijual kepada Danaharta di mana jumlah telah diterima dalam dua bahagian, iaitu pada masa jualan pinjaman ("penerimaan awal") dan pada masa pinjaman dipungut ("penerimaan akhir"). Penerimaan akhir merupakan bahagian Bank yang telah ditetapkan atas lebih selepas ditolak penerimaan awal apabila pinjaman berkenaan dipungut. Perbezaan antara nilai bawaan pinjaman dan penerimaan awal diiktiraf sebagai "Jumlah boleh dituntut dari Danaharta" dalam komponen "lain-lain aset" dalam lembaran imbangan. Peruntukan untuk jumlah ini adalah mengikut Garis Panduan Bank Negara untuk 'Jualan Pinjaman Tidak Berbayar kepada Danaharta' yang dikeluarkan pada 30 April 1999 dan mencerminkan penilaian para pengarah terhadap nilai nyata penerimaan akhir pada tarikh lembaran imbangan.

S Alatan kewangan derivatif

Transaksi untuk alatan kewangan derivatif yang dikendalikan termasuk pertukaran kadar faedah, pasaran hadapan dan lain-lain alatan seperti itu bagi tujuan urusanniaga dan bukan urusanniaga. Derivatif yang diklasifikasikan sebagai bukan urusanniaga dipegang untuk tujuan membentengi pendedahan yang melibatkan pengurusan aset-aset dan liabiliti-liabiliti Bank.

Keuntungan dan kerugian akibat dari pembentengan transaksi-transaksi khusus adalah dilepaskan ke penyata pendapatan pada tempoh yang sama pendapatan dan perbelanjaan dijana dari transaksi-transaksi berkenaan. Transaksi yang pada asalnya diperolehi untuk tujuan pembentengan tetapi tidak lagi digunakan untuk pembentengan, ia hendaklah dinilai semula dan sebarang perubahan nilai dibawa ke penyata pendapatan.

Keuntungan dan kerugian dari alatan yang dibeli atau dijual untuk tujuan urusanniaga dibawa ke penyata pendapatan. Transaksi-transaksi yang tertinggal pada tarikh lembaran imbangan dinyatakan pada nilai pasaran.

Urusniaga-urusanniaga dagangan

Urusniaga-urusanniaga derivatif yang tidak memenuhi kriteria lindung nilai adalah dianggap sebagai urusanniaga dagangan. Derivatif yang didagangkan diukur menggunakan nilai berpatutan di dalam lembaran imbangan. Keuntungan dan kerugian pula diambil secara langsung ke dalam penyata pendapatan.

Kadar pertukaran wang asing dan faedah hadapan yang didagangkan telah dinilai mengikut kadar pasaran yang lazim berdasarkan harga disebut dan pengawasan harga pasaran. Kontrak opsyen matawang dinilai dengan menggunakan model perletakkan harga opsyen.

T Peruntukan lain

Peruntukan yang selain dari hutang tidak berbayar dan peruntukan bagi 'outstanding claims' diiktirafkan oleh Bank apabila kriteria-kriteria tersebut dituruti:

- (i) Bank mempunyai obligasi guaman atau konstruktif yang berpunca dari peristiwa lampau;
- (ii) ia adalah berkemungkinan yang pengeluaran sumber-sumber diperlukan untuk membuat pembayaran untuk menyelesaikan obligasi; dan
- (iii) anggaran jumlah obligasi yang dipercayai boleh ditentukan.

U Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri dari tunai dan dana jangka pendek.

V Zakat

Zakat merupakan kewajipan yang perlu dilunaskan oleh Bank mengikut prinsip-prinsip syariah dan seperti yang dipersetujui oleh Majlis Penyeliaan Syariah.